



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Alhamdulillah, ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan pada 2022 dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan prestasi eksport yang lebih tinggi pascapandemik COVID-19. Pertumbuhan ekonomi kembali pulih ke paras prakrisis sebanyak 8.7%, mengatasi arah aliran serantau dan global, disokong oleh tindak balas dasar yang pantas dan asas ekonomi yang teguh. Prestasi yang memberangsangkan ini dicapai meskipun berhadapan dengan pertumbuhan global yang perlahan kesan daripada kemunculan varian baharu COVID-19, ketegangan geopolitik, ketidakpastian keadaan kewangan, gangguan rantai bekalan global dan peningkatan inflasi.

Keadaan pasaran buruh bertambah baik, diterjemahkan melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengurangan kadar pengangguran. Walau bagaimanapun, beberapa sektor ekonomi masih berhadapan dengan kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam industri berintensif buruh seperti sektor pertanian dan perkhidmatan. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi bagi mempercepat pemulihan perniagaan dan menangani isu kekurangan tenaga buruh. Program penstabilan pekerjaan termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula juga diteruskan bagi mempertingkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya bagi golongan belia.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat, mempertahankan integriti, mewujudkan masyarakat penyayang serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam dan swasta. Komitmen ini boleh dicapai melalui pendekatan sistematik yang menumpukan kepada aspek pemikiran, kerohanian dan infrastruktur dengan berpaksikan kerangka Malaysia MADANI yang memfokuskan pembentukan masa depan dan merealisasikan potensi negara. Kerangka ini akan disokong oleh enam nilai teras iaitu **M**ampan, **sejA**htera, **berD**aya cipta, saling menghorm**A**ti, punyai keyaki**N**an dan bersifat **I**hsan.

Belanjawan 2023 akan memberikan fokus terutamanya kepada langkah-langkah menangani peningkatan kos sara hidup, memperkukuh jaringan keselamatan sosial dan meningkatkan ekosistem perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Kerajaan juga akan menelusuri kaedah untuk mengurangkan gangguan dalam pasaran serta memperkemas proses perniagaan melalui adaptasi teknologi tinggi dan digitalisasi. Objektif utama adalah untuk memastikan pengagihan kekayaan dan pembangunan wilayah yang saksama dan mampan.

Seiring dengan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa, negara menyaksikan peningkatan jumlah ketibaan pelancong, aktiviti perdagangan dan perniagaan menyumbang ke arah pemulihan yang stabil, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Berlandaskan kekukuhan asas makroekonomi, disokong keteguhan permintaan domestik dan keberkesanan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan sekitar 4.5% pada 2023.

Inisiatif pembaharuan akan dipercepat bagi memperkukuh tadbir urus kewangan awam dan memastikan kestabilan makroekonomi di samping meneruskan agenda pembangunan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pengukuhan ekosistem tatakelola pada semua peringkat bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi Kerajaan. Inisiatif ini akan menumpukan kepada ketelusan, integriti dan kecekapan khususnya dalam perolehan Kerajaan, tadbir urus yang baik dan peranan pembangunan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta institusi Parlimen.

Cabaran getir ini memerlukan Kerajaan melaksanakan disiplin fiskal yang ketat di samping mengimbangi keupayaan penjana hasil dan komitmen perbelanjaan seterusnya mengurangkan hutang dan liabiliti Kerajaan secara beransur-ansur. Pelbagai inisiatif telah dikenal pasti untuk menangani isu berkaitan kewangan awam termasuk meneroka sumber hasil baharu yang mampan dan meminimumkan ketirisan. Ke arah mencapai inisiatif ini, Kerajaan akan memberi penekanan terhadap kajian semula perbelanjaan awam dan memastikan kemampuan hutang serta meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan bagi jangka masa panjang. Ini akan meningkatkan fleksibiliti fiskal negara, membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah dasar kitaran balas dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara.

Kerajaan kekal komited dalam mengimbangi keperluan menjaga kesejahteraan rakyat dan negara serta memastikan kedudukan fiskal yang kukuh dan mampan. Matlamat untuk mengekalkan kedudukan tinggi penarafan kedaulatan negara dan memastikan kedudukan utama Malaysia sebagai sebuah negara yang mesra pelabur dan perniagaan adalah penting, terutamanya dalam mencipta dan menarik pelaburan bernilai tambah tinggi bagi mencapai pertumbuhan yang berkualiti dan inklusif.

Oleh kerana 2023 dijangka menjadi tahun yang mencabar, Kerajaan akan terus cakna terhadap sebarang cabaran ekonomi dan ketegangan geopolitik yang mendatang seterusnya akan merangka strategi dan tindakan yang bersesuaian. Marilah kita bersama-sama berusaha bagi memastikan kejayaan Malaysia MADANI.



ANWAR IBRAHIM
24 Februari 2023